

**6 September 2006 (Rabu)**

## **Ketua Audit Negara tegur dua kerajaan negeri**

KUALA LUMPUR: Laporan Ketua Audit Negara 2005 menyebut masih berlaku kelemahan aspek pelaksanaan dan pemantauan projek kerajaan negeri hingga menyebabkan negara rugi berjuta-juta ringgit. Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, dalam laporannya menegur perkara itu kerana terlalu kurang aspek penyeliaan projek yang dilaksanakan. Beliau memberi contoh Kedah dan Perak yang gagal memanfaatkan peruntukan dan menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan.

Walaupun memuji kebanyakan kerajaan negeri kerana berjaya merancang projek dengan baik, beliau kecewa dengan kelemahan itu masih wujud sedangkan ditegur berulang kali. “Ada sedikit perubahan, tapi banyak lagi boleh dibuat sekiranya jabatan berkaitan mengembleng sumber mereka bersama dengan melaksanakan projek sebaik mungkin,” katanya dalam laporannya itu. Ambrin berkata, sesetengah kerajaan negeri bersetuju melakukan perubahan selepas masalah seperti kelewatan dalam pembinaan rumah kos rendah dan kerja pembinaan lain ditegur dalam laporan audit lalu.

“Kita berharap pegawai bertanggungjawab terhadap projek yang diaudit juga akan belajar daripada kesilapan serta memastikan projek dilaksanakan secara cekap,” katanya. Dalam laporan itu, Ambrin membidas sesetengah kakitangan awam yang bersikap sambil lewa hingga menyebabkan kelewatan projek yang dibiayai Kerajaan Persekutuan, beliau menegaskan masalah itu menyebabkan banyak negeri tidak dapat menghabiskan peruntukan projek dan pembangunan. Kedah misalnya hanya membelanjakan 32 peratus daripada jumlah peruntukan pembangunan sejak 2001 iaitu menerusi Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) walaupun negeri itu mensasarkan menjadi negeri maju menjelang 2010.

“Daripada keseluruhan 108 projek yang dirancang tahun lalu, 27 projek gagal disiapkan, malah 13 daripadanya belum pun dimulakan. “Dari segi perbelanjaan pula, negeri itu hanya membelanjakan RM1.1 bilion berbanding RM3.6 bilion yang diluluskan kepada sembilan jabatan kerajaan negeri itu,” katanya. Di Perak pula, katanya daripada 159 projek yang belum dimulakan, 155 daripadanya terletak dalam bidang kuasa JKR. Antara punca masalah termasuk pengambilan tanah, keengganan kontraktor menerima kontrak dan pembatalan kontrak, selain pertembungan kuasa antara JKR dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Ambrin juga melahirkan rasa kurang senang terhadap JKR Sarawak kerana masalah jalan yang kurang berkualiti selain negeri itu masih kekurangan papan tanda serta kelemahan kerja akhir projek jalan.

Bagi Selangor pula, beliau berharap Majlis Perbandaran Klang (MPK) akan membina pusat penjaja di kawasan strategik untuk mengatasi masalah penjaja haram.